

‘Suburkan patriotisme, setiakawan’

PM ajak rakyat hayati nilai murni bagi kekalkan kemerdekaan, kemajuan

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan budaya, mendalami diri masing-masing serta mencari semangat setiakawan dan kenegaraan yang sebelum ini membantu negara mencapai kemerdekaan dan membangun.

Perdana Menteri berkata, sejarah memperlihatkan Malaysia terbina atas nilai tolak ansur, ketinggian budi, saling menghormati, kesediaan memberi dan berkongsi, tidak mementingkan diri dan berkemahuan untuk berkorban demi kepentingan negara.

Tanpa semua nilai itu, katanya, Malaysia tidak akan membesar menjadi negara maju yang berkeupayaan memberi rakyatnya kesejahteraan dan kemajuan, malah ada ketikanya, apa yang dirasai jauh lebih besar nikmatnya berbanding di negara lain.

“Semua nilai itu tidak seharusnya terhenti apabila negara mencapai kemerdekaan atau kemajuan. Semakin kita maju dan berjaya, semakin kita sedar betapa perlunya nilai baik itu.

“Jika nilai itu yang dipegang ibu bapa dan datuk nenek kita berjaya membentuk negara ini, pasti ia lebih penting apabila kita

mengurus kemajuan yang tercapai. Malangnya, jika kita lihat di sekeliling, dalam kita hanyut dengan kemajuan komunikasi dan digitalisasi, nilai-nilai yang baik itu diketepi dan diganti dengan sifat buruk yang jelik dan menjijikkan.

“Yang lebih merosakkan ialah apabila sifat buruk ini terserlah ketika berdepan isu sensitif mengenai bangsa dan agama,” katanya dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2019, semalam.

Perdana Menteri berkata, ketika mempertahankan agama dan kaum masing-masing, penghinaan terhadap kaum dan agama lain sehingga menggunakan kata-kata nista dan kesat, pasti menimbulkan kemarahan dan keresahan.

“Amat menghairankan kerana jika kita mahu menegakkan agama dan bangsa kita, sudah tentu kita perlu memperlihatkan sifat dan penggunaan bahasa yang baik dan berbudaya, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya,” katanya.

Beliau juga mengajak rakyat bertanya apakah mereka sudah tidak lagi peduli terhadap masa depan negara dalam mempertahankan kepentingan sempit bangsa dan agama masing-masing.

“Sesungguhnya, jika kita benar-benar ikhlas, kita akan sedar betapa besar nikmat yang ada di negara kita ini. Jika kita mempunyai kesedaran itu, kita akan mencari jalan dan berusaha sedaya mungkin untuk mempertahankannya.

“Kita perlu sedar, apabila menuntut hak atau kepentingan kelompok kita dan kelompok yang satu lagi tidak mahu bertolak ansur, bertimbang rasa atau memberi kemaafan, ia boleh membawa kepada konflik,” katanya.

Dalam mendepani hari depan



yang lebih cemerlang, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang menumpukan usaha melaksanakan Wawasan Kemakmuran Bersama dengan matlamat menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat.

Wawasan itu, katanya, bagi menjadikan Malaysia lebih cemerlang serta antara paksi ekonomi penting di Asia dan pada masa sama, usaha turut dipergiat untuk meningkatkan kuasa beli rakyat dan menghapus jurang pendapatan serta kekayaan antara kelas, kaum dan wilayah.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan juga meletakkan usaha membanteras rasuah sebagai salah satu objektif utama kerana gejala itu yang turut membabitkan perkhidmatan awam, disifatkan sebagai salah satu bencana paling

besar kepada negara.

“Untuk memastikan dasar kita tidak disabotaj oleh mereka yang menyalahgunakan kuasa dan menerima rasuah, maka kita telah meletakkan usaha membanteras rasuah sebagai salah satu objektif utama kerajaan.

“Kerana itu tahun ini Hari Kebangsaan disambut dengan tema ‘Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih’. Kita harap membersihkan negara dari amalan rasuah yang mampu menggagalkan usaha memberi kemakmuran bersama kepada semua rakyat,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam perutusannya, berkata rakyat memainkan peranan penting dan sebagai pemangkin jiwa negara yang bertanggungjawab untuk ke-

jayaan atau kehancurannya.

“Kita harus menjadi seorang yang jujur dan sentiasa mengutamakan negara dalam segala hal. Malaysia adalah kita, kita adalah Malaysia. Sebagaimana kita menjaga maruah diri, begitulah juga kehormatan negara perlu dipelihara,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata rakyat perlu saling menghormati dan menyayangi satu sama lain, sentiasa berada di sisi mereka yang memerlukan dan mengamalkan sikap saling bertoleransi.

Sempena hari istimewa memperingati 31 Ogos 1957 juga, katanya, rakyat hendaklah menolak diskriminasi, sebaliknya perlu saling mempercayai antara satu sama lain.